

13/02/2002

Bekas ahli politik Malaysia bantu kumpulan radikal Islam Amerika RM38j

Rosniza Mohd Taha

KUALA LUMPUR, Selasa - Seorang bekas ahli politik Malaysia yang berpengaruh, dikatakan pernah menyokong pergerakan pertubuhan radikal Islam di Amerika Syarikat, termasuk menyalurkan dana berjumlah AS\$10 juta (RM38 juta).

Hubungan bekas ahli politik itu yang juga seorang anggota Kabinet, dengan pertubuhan berkenaan dipercayai menyebabkan Amerika Syarikat mengaitkan Malaysia dengan keganasan.

Perkara itu didedahkan Pengerusi Majlis Tertinggi Islam di Amerika Syarikat, Sheikh Muhammad Hisham Kabbani (gambar) pada sidang akhbar di sini, hari ini.

Sheikh Muhammad Hisham enggan mendedahkan nama bekas ahli politik itu dan pertubuhan terbabit, tetapi berkata maklumat berkenaan diperoleh daripada pengerusi pertubuhan itu sendiri.

Beliau berkata, dana berkenaan digunakan untuk mengukuhkan kegiatan dan entiti institusi berkenaan.

Malah, katanya, pada masa lalu banyak pertubuhan radikal lain di Amerika turut menerima bantuan kewangan yang disalurkan bekas golongan berpengaruh di Malaysia.

"Sesetengah pertubuhan itu sudah tidak beroperasi, tetapi ada yang masih aktif dan Amerika pula sedang giat memantau pertubuhan seumpama itu, maka dari situ Malaysia dikaitkan dengan keganasan dan elemen ekstrimis semata-mata kerana bekas pemimpin negara ini pernah menjalin hubungan dengan institusi seumpama itu," katanya yang tiba di sini, minggu lalu.

Sheikh Muhammad Hisham yang dalam rangka lawatan ke negara Asia, turut mengadakan pertemuan sejam dengan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, semalam.

Beliau yang akan berlepas ke Singapura esok, percaya pertubuhan radikal itu masih bekerja kuat untuk bekas ahli politik itu.

Sheikh Muhammad Hisham juga tidak menolak kemungkinan keadaan itu juga menyebabkan laporan Newsweek bulan lalu menggambarkan kononnya rancangan serangan 11 September di Amerika bermula di Malaysia.

"Namun, kepimpinan kerajaan Malaysia sekarang termasuk Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak terlibat langsung dengan kerjasama ini. Ia adalah masalah yang timbul kerana perbuatan bekas ahli Kabinet lepas," katanya.

Mengenai pendekatan golongan ekstrimis menggunakan senjata dan berperang hingga mengorbankan beribu-ribu nyawa, beliau berkata, cara itu bukan jihad dalam erti kata sebenar, sebaliknya jihad dalam bentuk pendidikan kini lebih relevan .

"Jihad kini harus berlandaskan pendidikan, iaitu melalui buku dan artikel untuk santapan minda orang ramai, terutama orang muda.

"Sekiranya ulama mampu mempengaruhi orang muda untuk berjihad dengan kehalusan tutur kata mereka, kita patut menggunakan taktik sama dalam penulisan iaitu bahasa yang indah untuk menyeru golongan ini ke arah kebaikan," katanya.

Beliau berkata, salah satu faktor kejayaan tamadun Islam dulu adalah kekayaan ilmu pengetahuan, tetapi umat Islam kini gagal menguasai ilmu kerana lebih terpengaruh dengan anasir tidak baik daripada memajukan diri untuk membentuk kekuatan ummah.

"Umat Islam senang terpengaruh dengan anasir buruk seperti yang dipaparkan dalam program MTV dan filem lucah dari Barat, tetapi tidak

dapat menguasai teknologi untuk memajukan umat Islam. Apa yang buruk dari Barat kita ambil tetapi yang baik tertinggal di sana," katanya.

Beliau turut meminta orang ramai supaya jangan mudah percaya dengan laporan media Amerika yang kebelakangan ini banyak memburukkan imej Islam kerana kebanyakannya lebih mementingkan keuntungan daripada kebenaran laporan yang disiarkan.

"Sebagai entiti perniagaan dan berasingan daripada kerajaan, mereka mempunyai agenda keuntungan sendiri dan tidak semua laporan yang disiarkan adalah pendapat kerajaan Amerika," katanya.

Dalam perkembangan lain, Sheikh Muhammad Hashim membidas tindakan sesetengah ulama yang menimbulkan fitnah atau mengeluarkan fatwa yang mengelirukan orang ramai dan menggugat keharmonian masyarakat.

"Ulama tidak boleh menentang pemimpin kerana hadis Rasulullah ada menyebut larangan menyumpah Sultan dan amanat ini boleh diguna pakai dalam hubungan ulama dan pemerintah sesebuah kerajaan.

"Kita bersyukur sekiranya pemimpin yang disokong adalah benar tetapi sekiranya pemimpin tidak betul, kita doa semoga mereka mendapat petunjuk daripada Allah," katanya.

Sheikh Muhammad Hashim berkata, ulama yang juga pemimpin, tidak harus menggunakan masjid atau pusat Islam sebagai tempat mengadakan ceramah untuk kepentingan peribadi.

"Haram bagi ulama memanipulasi minda umat Islam yang tidak bersalah untuk menjamin kepentingan politik mereka. Mereka sepatutnya bekerjasama dengan kerajaan untuk memajukan negara dan mewujudkan kehidupan selesa untuk masyarakat," katanya.

Sehubungan itu, Sheikh Muhammad Hashim memuji kepemimpinan Dr Mahathir yang menggunakan keupayaannya untuk menjadikan Malaysia negara maju, aman dan bertamadun.

"Saya belum pernah bersemuka dengan Dr Mahathir, saya kenal beliau melalui hasil kerjanya saja dan ia memadai untuk saya mengaguminya.

"Dengan izin Allah, saya berhasrat untuk berjumpa dengannya satu hari nanti bagi membincangkan pelbagai isu termasuk cara lebih berkesan memajukan dan menaikkan imej umat Islam di Amerika," katanya.

(END)